

KONSEP KEWARTAWANAN BARAT DAN KEWARTAWANAN ISLAM DI MALAYSIA: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

CONCEPT WESTERN JOURNALISM AND ISLAMIC JOURNALISM IN MALAYSIA: A COMPRATIVE STUDY

Muhamad Hakimi Abd Rani

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang,

Article history

Received date : 7-8-2021

Revised date : 8-8-2021

Accepted date : 29-9-2021

Published date : 5-10-2021

To cite this document:

Abd Rani, M. H. (2021). Konsep Kewartawanan Barat Dan Kewartawanan Islam Di Malaysia: Satu Kajian Perbandingan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 310 - 318.

Abstrak: Antara salah satu cabaran utama amalan kewartawanan ialah mengekalkan perpaduan masyarakat majmuk yang mengamalkan kebudayaan dan kepercayaan agama yang berlainan. Dalam usaha kewartawanan mencorak hal ehwal masyarakat, wartawan dan editor terpaksa bekerja keras untuk menghasilkan kandungan media yang sentiasa relevan kepada kehendak masyarakat. Proses menambah nilai terhadap isu-isu yang dilaporkan dipengaruhi oleh keunikan budaya, bahasa dan ideologi penerbit kandungan media yang berlainan malahan bertelagah sesama mereka untuk menegakkan kebenaran masing-masing. Hal ini demikian kerana kecenderungan sudut berita yang berlainan membawa kepada pelbagai persepsi, penerimaan dan reaksi berbeza daripada masyarakat terhadap isu-isu yang disentuh. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan tentang perbezaan kewartawanan Barat dan kewartawanan Islam. Hal ini demikian kerana Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama. Antara tekanan besar yang dihadapi kewartawanan di Malaysia ialah penularan fenomena globalisasi, kemunculan mendadak portal berita alternatif menerusi Internet dalam media baharu dan hegemoni media Barat. Adakah kewartawanan di Malaysia berpaksikan kepada kewartawanan Barat? Atas sebab tersebut, kajian ini menganalisis perbandingan antara konsep kewartawanan Barat dan konsep kewartawanan Islam. Kertas kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumen bagi mendapatkan data sekunder. Data tersebut kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil analisis ini mendapati asas premis kewartawanan Barat berteraskan kepada kebebasan dan berorientasikan keuntungan manakala asas premis kewartawanan Islam berpandukan kepada prinsip Islam dan penekanan pandangan Islam tentang peranan media. Kertas kajian ini memberikan sumbangan kepada masyarakat tentang kesedaran kesahihan penyebaran maklumat khususnya di Malaysia.

Kata kunci: kewartawanan barat, kewartawanan Islam, kewartawanan di Malaysia

Abstract: *One of the main challenges of practice journalism is to maintain unity plural society. In order to shape the affairs of society, journalist and editor have to work hard to produce media content that is always relevant to the society. The process of adding value in the reported issues is influenced by the uniqueness of culture, languages, ideology of different media content publishers and even quarrel with each other to uphold their respective truths. This is because tendency of different news angles leads to different perceptions, acceptances and reactions of the society towards the issues touched upon. This paper aim to discuss differences between Western journalism and Islamic journalism. This is because Malaysia consists of multi-racial and multi-religious society. Among the major pressures facing journalism in Malaysia are the spread of the phenomenon of globalization, the sudden emergence of alternative news portals via the internet in the new media and the hegemony of the Western media. Is journalism media in Malaysia oriented Western journalism? For that reason, this study analyses the comparison between the concept of Western journalism and Islamic journalism. This research paper uses document research method to obtain secondary data. The data were then analysed using content analysis method. The results of analysis shows that basic of the premise Western journalism is based on freedom and profit oriented while the basic of Islamic journalism is guided by Islamic principles and emphasis of Islamic view on the role media. This research paper contributes to the community on the awareness of the validity information dissemination, especially in Malaysia.*

Keywords: *western journalism, Islamic journalism, journalism in Malaysia*

Pengenalan

Kewartawanan memainkan peranan penting untuk merealisasikan aspirasi Malaysia mencapai sebuah negara maju menjelang tahun 2030. Salah satu cabaran utama amalan kewartawanan adalah mengekalkan perpaduan masyarakat majmuk yang mempunyai kepelbagaian kebudayaan dan kepercayaan agama yang berlainan. Wartawan dan editor perlu menghasilkan kandungan media yang sentiasa relevan kepada kehendak masyarakat bagi mencorak hal ehwal masyarakat. Proses penambahan nilai terhadap isu yang dilaporkan dipengaruhi oleh keunikan budaya, bahasa dan ideologi penerbit kandungan media yang berlainan dan juga bertelagah sesama mereka demi untuk menegakkan kebenaran masing-masing. Keadaan tersebut dapat dilihat melalui kecenderungan penerbit media melaporkan sudut berita yang berlainan membawa kepada pelbagai persepsi, penerimaan dan reaksi berbeza daripada masyarakat.

Perubahan landskap media kini dipengaruhi oleh fenomena globalisasi dan perkembangan teknologi komunikasi yang telah membawa kepada kemasukan saluran media asing. Keadaan tersebut telah mewujudkan cabaran baharu kepada kewartawanan di Malaysia. Media di Malaysia menggunakan kaedah kombinasi unsur-unsur authoritarian (terutamanya pada akhbar arus perdana), liberalitarian (khasnya akhbar alternatif) dan juga teori tanggungjawab sosial (lahir daripada Suruhanjaya Hutchins) dalam penyampaian maklumat. Keadaan ini telah memperlihatkan media di Malaysia berpaksikan atau cenderung kepada konsep kewartawanan Barat disebabkan oleh pengamal media di Malaysia didedahkan dengan konsep dan ilmu kewartawanan Barat. Hal ini juga terjadi disebabkan oleh masih kurang rujukan tentang konsep kewartawanan Islam di Malaysia.

Proses globalisasi bukan sahaja menyaksikan penembusan saluran media luar ke dalam Malaysia tetapi juga penularan ideologi kebebasan media mengikut konteks Barat yang dipelapori oleh kumpulan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Keadaan ini turut menyebabkan wartawan yang terpengaruh dengan ideologi tersebut akan berusaha menyebarkannya dalam kandungan media yang dihasilkan oleh mereka. Masyarakat kini mudah terpengaruh dengan ideologi tersebut kerana mereka mempunyai kemudahan gajet dan internet yang membolehkan mereka mengakses kepada kandungan media tersebut. Selain itu, media dipengaruhi oleh pelbagai aspek politik, sistem perundangan, dan pasaran yang masing-masing mempunyai keistimewaan tersendiri. McQuail (2012) telah mengutarakan dua polemik berhubung dengan hubungan di antara media dan masyarakat dalam konteks kontemporari iaitu pertamanya, media secara meluas dipercayai merupakan merupakan pemain utama yang menyampaikan maklumat tentang kebaikan mahupun keburukan dalam masyarakat. Kedua, media sedang melalui perubahan mendadak yang besar khususnya disebabkan oleh kepesatan perkembangan teknologi baharu yang menyebabkan kesan kerangka perundangan dan kawalan sosial menjadi tidak relevan pada masa kini.

Kedua-dua persoalan yang berkaitan dengan aspek sosial-budaya dan politik tersebut amat bertepatan dengan situasi yang dihadapi di Malaysia yang menyaksikan kewujudan dua set perundangan yang mengawalselia saluran komunikasi yang sedia ada iaitu peraturan ketat dikenakan kepada media tradisional tetapi memberikan jaminan kebebasan sepenuhnya tanpa sebarang sekatan untuk media baharu seperti media sosial melalui MSC Malaysia Bill of Guarantees (BoGs). Persoalan utama kertas kerja ini adalah untuk membuat perbandingan antara konsep kewartawanan Barat dan kewartawanan Islam di Malaysia. Hal ini demikian kerana media di Malaysia cenderung kepada kewartawanan Barat yang mengutamakan kebebasan media yang boleh menyebabkan berlakunya fitnah. Bolehkah kita memecahkan utopia konsep kewartawanan Barat dengan menggunakan nilai-nilai Islam untuk memperkukuhkan konsep kewartawanan di Malaysia? Atau intipati kontrak sosial itu sebenarnya yang menjadi batu penghalang sebenar selama ini?

Konsep Kewartawanan Barat

Premis utama konsep kewartawanan Barat berteraskan kepada kebebasan dan berorientasikan keuntungan selaras dengan ideologi kapitalisme Laissez-faire. Detik permulaan kepada kebebasan media pada masa kini dipercayai bermula pada Peristiwa Hak-hak Manusia sewaktu Revolusi Perancis (France Revolution) pada 1789. Peristiwa tersebut mengikut acuan berasaskan kepada kebebasan mengikut konsep demokrasi Barat yang dimulakan di Yunani. Idea tersebut kemudiannya dikembangkan oleh pengkaji Barat seperti Thomas Hobbes (1588-1679), John Milton (1644), John Locke (1632-1704), Jean Jacques Rousseau (1712-1778) dan John Stuart Mill (1806-1973). Antara petikan penting John Stuart Mill yang sering menjadi rujukan pengkaji sehingga masa kini ialah kenyataan seseorang itu harus diuji kesahihannya termasuk mendapatkan pandangan daripada pihak yang bertentangan untuk mengetahui kebenarannya.

Liberalisasi media Barat juga menyaksikan negara seperti Perancis dan Denmark mempunyai tradisi mempermainkan agama, adat tradisi kebudayaan dan pemimpin politik mereka sejak dari dahulu lagi. Penerbitan kandungan bercorak lucah juga dibenarkan di bawah teori libertarian. Hak kebebasan bersuara yang dijamin dalam perlembagaan persekutuan Amerika Syarikat membolehkan mereka bebas bersuara dalam semua isu dan tidak kisah sekiranya isu tersebut menyinggung perasaan suatu kaum yang lain. Atas dasar itulah, sebahagian

saluran media di Barat mempersendakan Islam, Muslim dan Nabi Muhammad S.A.W. Prejudis terhadap Islam dan Muslim telah melahirkan fenomena yang dikenali sebagai Islamofobia. Usaha yang dimulakan oleh organisasi yang berteraskan agama Islam untuk melarang menyentuh isu sensitif yang boleh menyemarakkan diskriminasi, ekstremisme dan salah faham telah membawa kepada polarisasi dan perpecahan masyarakat di Amerika Syarikat.

Kata kunci utama konsep kewartawanan Barat ialah kebebasan tetapi kebebasan tersebut bukanlah kebebasan mutlak yang tidak bertanggungjawab. Realitinya kebebasan media di Barat tidaklah sebebaskan seperti yang dinyatakan kerana negara Barat juga mempunyai perundangan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) di Malaysia untuk mengawal pengaliran maklumat. Mereka juga mempunyai undang-undang yang melindungi maklumat sensitif kerajaan atas dasar kepentingan nasional sepertimana Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) di Malaysia.

Konsep Kewartawanan Islam

Kewartawanan merupakan suatu profesion yang diiktiraf dalam Islam. Walaupun perbincangan tentang konsep kewartawanan Islam masih terbatas, tetapi terdapat wacana yang membincangkan tentang rupa bentuk dan elemen yang perlu dimasukkan dalam kewartawanan Islam. Umumnya, konsep kewartawanan Islam menyarankan agar pengamal media mengamalkan amalan kewartawanan yang mempromosikan kesejahteraan masyarakat. Penyebaran maklumat bukanlah sesuatu yang asing dalam ajaran Islam. Al-Quran menggunakan perkataan *naba'* lebih daripada 40 tempat yang merujuk kepada Allah menjadi sumber utama berita yang diwahyukan kepada Rasulullah SAW. Kebebasan bersuara dalam Islam telah lama mendapat pengiktirafan daripada pemimpin Islam seperti Khalifah Umar Al-Khattab dan Khalifah al-Hashimi. Sejarah tamadun Islam telah menunjukkan kewujudan sistem politik yang berbeza-beza dalam Dunia Islam dari zaman kerajaan Madinah kepada Umayyah (661-750), kerajaan Abbasiyah (750-1258) ke era moden dan beberapa kerajaan besar seperti kerajaan Uthmaniyyah (1281-1924), Safavid (1501-1722) dan empayar Mughal (1526-1857). Rugh (1987) pernah membincangkan keempat-empat teori akhbar klasik Siebert, Peterson dan Schramm (1963) untuk disesuaikan dengan ciri-ciri media Arab berdasarkan kepada lapan belas negara Arab dalam kajiannya. Dapatan kajian beliau menyimpulkan bahawa wujudnya beberapa jenis media di negara Arab iaitu media mudah alih, media yang setia kepada pemerintah seperti Iraq di bawah Saddam Hussein, media yang pelbagai seperti di Lubnan pada 2002 dan media peralihan. Kajian lanjut yang dilakukan oleh Skjerdal (2008) juga merumuskan dapatan yang sama.

Hamid Mowlana (1996) pula menekankan konsep Tauhid dalam penghujahannya mengenai kebebasan akhbar dalam perspektif Islam. Tauhid merupakan asas kepada akidah Muslim yang menegaskan penyatuan dengan Tuhan Maha Esa. Kebebasan bersuara seperti mana yang dinyatakan oleh Mawdudi (1976), Nasr (1980) dan Mohammad Hashim Kamali (1997) merupakan salah satu hak yang diiktiraf oleh Islam (Nerawi, 2012). Memetik kata-kata Mawdudi (1976: 29), "hak kepada kebebasan bersuara penting untuk menggalakkan kebaikan dan kebenaran bukan sahaja suatu hak dalam Islam tetapi merupakan suatu obligasi". Kod etika kewartawanan Islam menekankan hukum syariat iaitu pengetahuan tentang halal dan haram. Menurut Mohammad Hashim Kamali (1997), prinsip kebebasan bersuara dalam Islam ialah menyeru kepada kebaikan dan melarang kejahatan, nasihat yang ikhlas, penaaakuan peribadi, kebebasan untuk mengkritik dan kebebasan untuk meluahkan pendapat.

Sayeed Al-Seini (1986: 228) menyatakan bahawa konsep berita dalam Islam ialah melarang penyebaran berita palsu dan bertujuan untuk merosakkan kehidupan masyarakat (Surah al-Hujurat 49:15; Surah an-Nur 24:19). Zulkiple Abd. Ghani (2001:10) pula menyatakan bahawa pengalaman usaha pengumpulan, penapisan dan penyebaran hadis yang dilakukan oleh ulama hadis harus menjadi sumber rujukan penting ketika mengendalikan berita dalam Islam. Nerawi (2012) merumuskan kebebasan bersuara dalam Islam menyeru kepada kebaikan dan melarang salah laku, menegakkan kebenaran, mengutamakan ajaran Tuhan dan mematuhi adab Islam.

Perbandingan Konsep Kewartawanan Barat Dan Kewartawanan Islam

Kebebasan bersuara di Malaysia harus difahami dan diamalkan dalam sempadan perundangan dan toleransi kebudayaan masyarakat majmuk. Konsep kewartawanan Islam menggabungkan kombinasikan ilmu dan nilai yang sesuai daripada pelbagai sumber termasuk ilmu kewartawanan yang berpaksikan Barat bersama dengan nilai Islam. Usaha untuk menyatukan genre berita tidak semestinya akan mendapat sambutan disebabkan penularan nilai barat dalam generasi baharu di Malaysia. Setiap generasi mempunyai perspektif dan cara pemikiran yang tersendiri berdasarkan ilmu dan pengalaman mengikut era masing-masing. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa perubahan intelektual yang berlaku menyebabkan timbulnya kemusykilan media lebih cenderung untuk menonjolkan pengetahuan budaya.

Adakah konsep kewartawanan Barat lebih memfokuskan kepada hak individu sebaliknya konsep kewartawanan Islam menekankan kepada kebenaran dan keimanan yang tinggi kepada Allah? Asas konsep kewartawanan Islam adalah berpaksikan kepada prinsip Islam yang menekankan tentang peranan media khususnya menyeru kepada kebaikan, amanah, *tabligh* (menyampaikan), *fatanah* (kebijaksanaan) membuat ma'ruf (prinsip *al-amru bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*), dan media seharusnya menjadi muraqqib dan muhasabah yakni sebagai pemerhati (watchdog) kepada kerajaan. Secara kasarnya, aspek yang dinyatakan itu mempunyai persamaan dengan nilai yang ditekankan dalam kewartawanan Barat. Persoalannya, adakah konsep kewartawanan Barat dan kewartawanan Islam itu sememangnya sama?

Definisi kebebasan bersuara mengikut perspektif Barat ialah mengeluarkan pendapat tanpa batas dan tidak menapis dahulu maklumat tersebut berdasarkan konsep kebebasan berfikir dan kebebasan menilai. Keadaan ini mendorong lahirnya asas seseorang individu tidak mempunyai hak untuk tidak disinggung. Hal ini demikian kerana setiap individu mempunyai hak untuk meluahkan pandangan diri masing-masing tanpa menjaga perasaan individu lain. Sebagai timbal baliknya, individu tersebut juga tidak mempunyai hak untuk menghalang daripada dikritik oleh individu yang bercanggah pendapat dengannya, kecuali dibicara mengikut undang-undang Syariah.

Timbul persoalan di sini iaitu bagaimana dengan media bebas daripada politik? Idea Mohd Safar Hasim (1997) yang menyatakan bahawa Malaysia harus mengamalkan konsep media yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan menolak konsep media yang diamalkan di negara diktator dan kebebasan yang keterlaluan. Idea itu mempunyai persamaan dengan peranan media dalam konteks Islam kerana berteraskan konteks al-maqasid al-syar'iyah, iaitu pendekatan dari sudut tanggungjawab sosial dan sudut pembangunan (Musa Abu Hasan & Narimah Ismail 1998). Perkara kedua yang harus dibincangkan ialah hubungan antara kuasa politik dengan kuasa media. Perkara tersebut memerlukan suatu persefahaman antara

politik dan media berdasarkan kesedaran dan keinsafan untuk mengekalkan keharmonian masyarakat dan memacu kemodenan negara khususnya bagi mencapai misi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Media di Malaysia harus mendukung dasar, polisi dan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia muncul sebagai negara maju menjelang tahun 2030. Perkembangan teknologi, deregulasi dan peningkatan pengkomersilan menjadi ancaman utama usaha untuk menjadikan media yang boleh memenuhi keperluan masyarakat. Media mempunyai tanggungjawab yang sangat penting iaitu menjadi pengantara pendamaian antara rakyat dan kerajaan. Walaupun Malaysia mempunyai undang-undang Syariah, tetapi konteks penggunaannya hanya terbatas kepada masyarakat Muslim. Kes berkaitan perundangan komunikasi yang dibicarakan di Malaysia semuanya berteraskan kepada perundangan sekular khususnya Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada usaha mempromosikan perundangan komunikasi yang berteraskan ajaran Islam kerana sistem perundangan Malaysia berteraskan kepada perundangan Barat.

Nilai berita bukan bersifat universal dan sering kali berbeza mengikut konteks budaya. Wartawan boleh melaporkan peristiwa yang mempunyai nilai berita dalam konteks persefahaman yang dipersetujui antara industri media dengan kerajaan dan badan-badan profesional media seperti yang terkandung dalam Kod Etika Wartawan Malaysia yang diperkenalkan oleh Institut Akhbar Malaysia pada 20 Mei 1989. Nilai berita telah diperkenalkan oleh Galtung dan Ruge (1965) dan kemudiannya dikemaskini dan diperkembangkan oleh Harcup dan O'Neil (2001). Antara nilai berita itu termasuklah negativiti, konflik, keekskusifan, minat insani, kesemasaan, relevan, dan sebagainya. Apa yang membezakannya ialah pemilihan dan keutamaan nilai yang ingin ditekankan. Unsur sensasionalisme juga boleh ditemui dalam kedua-dua kewartawanan di negara Barat dan Islam (isu-isu yang melibatkan tanggungjawab sosial media) tidak kira media milik kerajaan ataupun swasta. Peranan gatekeeper sangat penting kerana gatekeeper akan berfungsi sebagai penapis maklumat atau berita bagi mengesahkan fakta maklumat yang ingin disiarkan agar tidak mengelirukan masyarakat.

Etika kewartawanan berasaskan nilai moral berperanan penting bagi menetapkan suatu piawaian profesionalisme yang tinggi. Walau bagaimanapun, etika kewartawanan yang bersifat silang budaya menurut (Christians & Traber, 1997) amat diperlukan dalam konteks Malaysia kerana umumnya kewartawanan yang bertanggungjawab diperlukan oleh mana-mana negara berikutan perkembangan pesat globalisasi yang menyebabkan pengaliran masuk berita antarabangsa. Salah satu polemik yang dialami oleh Malaysia apabila ada media tertentu yang cuba memainkan isu perkauman dan akhirnya boleh mencetuskan ketegangan kaum. Limitasi kebebasan bersuara dalam media sering kali bukan sahaja disebabkan oleh sekatan dan kawalan kerajaan tetapi juga terjadi akibat daripada penapisan sendiri yang dilakukan oleh media kerana timbulnya kesedaran etika kewartawanan.

Etika kewartawanan merupakan garis panduan amalan yang paling penting sebagai panduan kepada wartawan supaya mereka tidak terjebak dengan salah laku yang menyalahi integriti kewartawanan. Walaubagaimanapun, etika kewartawanan masih tetap bergantung kepada ciri-ciri yang ada pada sesebuah negara. McNelly (1959) telah menunjukkan proses penapisan maklumat ketika menerbitkan berita jauh lebih kompleks daripada model White (1950) dan

saban tahun perbincangan ini semakin berkembang selaras dengan perkembangan teknologi komunikasi sehinggalah muncul konsep kewartawanan warga yang hampir merubah segala lanskap media masa kini. Keadaan ini memperlihatkan trend media masa kini lebih berminat untuk memaparkan isu yang dilaporkan oleh umum ataupun isu viral di media sosial kerana masyarakat lebih berminat dengan isu tersebut berbanding isu negara.

Peranan tambahan media ialah menggalakkan penyertaan rakyat dalam usaha untuk membangunkan, memelihara dan memperkuat keharmonian dan perpaduan kaum, memupuk taat setia rakyat kepada negara dan mempertahankan kedaulatan raja-raja dan imej baik agama Islam. Sebarang bentuk pemaparan isu provokasi ataupun pemikiran hedonisme dan penerbitan provokatif harus dihalang sama sekali untuk memelihara kedaulatan negara. Keadaan ini sangat penting terutama berlakunya peningkatan trend populariti kewartawanan warga di Malaysia.

Kesimpulan

Secara umumnya, kertas kerja ini menganalisis perbandingan antara konsep kewartawanan Barat dan konsep kewartawanan Islam serta memberikan panduan hala tuju amalan kewartawanan di Malaysia. Konsep kewartawanan perlu diambil serius oleh pengamal media khususnya media Malaysia kerana amalan kewartawanan yang baik boleh memberikan masa depan yang baik kepada negara. Selain itu, konsep kewartawanan yang ideal perlu disesuaikan dengan reality kehidupan semasa Malaysia seperti mengambil kira pertimbangan meminimalkan tekanan pasaran, pihak yang berkepentingan dan memastikan semua lapisan masyarakat mendapat perhatian yang sewajarnya. Pengamal media harus mempunyai sensitiviti budaya dan ketelusan ketika menyampaikan maklumat agar masyarakat boleh mendapat maklumat yang tepat dan sah.

Penghargaan

Pemakalah kertas kerja ini ingin tujuan penghargaan kepada pensyarah bimbingan, Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi kerana telah memberikan bimbingan dan dorongan untuk menerbitkan kertas kerja ini.

Rujukan

- Aller, E. (2007). "Vali Nasr Explains the most significant foreign policy challenge for the United State." News and Media. Diambil dari: <http://fletcher.tufts.edu/news/2007/03/nasr.shtml> pada 31 Ogos 2012
- Ana Nadhya Abrar. (2018). Creating Successful Muslim Journalists through Journalism Ethics. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(3), 15-22 retrieved from: https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2018/04/KC9.3_6.pdf
- Berenger, R. D. (2005). "Review: The Making of Arab News by Noha Mellor." Diambil dari <http://www.tbsjournal.com/ReviewMeller.html>. pada 31 Ogos 2012.
- Christians, C.G., & Traber, M. (1997). *Communication Ethics and Universal Values*. Thousand Oaks, London: Sage Publications.
- Das'ad Latif, Fauziah Ahmad, Normah Mustaffa, & Shahrul Nazmi Sannusi. (2016). Pengaruh Objektivi Berita Tentang Tenaga Kerja Ndongesia Terhadap Imej Malaysia di Mata Masyarakat Sulawesi Selatan. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 16-46.
- Galtung, J., & Ruge, M.H. (1965). Structure of Foreign News: Presentation of the Congo, Cuba and Cyprus Crises in Four Foreign Newspapers. *Journal of Peace Research*, 2(1), 64- 90.

- Eickelman, D.F. & Anderson, J.W. (1997). Print, Islam and the Prospects for Civic Pluralism: New Religious Writing and their Audiences. *Journal of Islamic Studies*, 8(1), 43-62.
- Eickelman, D.F. & Anderson, J.W. (2003). *New media in the Muslim world: the emerging public sphere*. Bloomington: Indiana University Press.
- Elliott, C.W., & Greer, C.F. (2010). Newsworthiness and Islam: An Analysis of Values in the Muslim Online Press. *Communication Quarterly*, 58(4), 414-430.
- Esposito, J.L. (1992). *The Islamic Threat: Myth or Reality*. Oxford: Oxford University Press.
- H.M. Tuah Iskandar. (1990). *Kewartawanan Islam: Diabar, Tercabar, Mencabar*. Kuala Lumpur: Karya Media Publisher.
- Hafez, K. (Ed.). (2000). *Islam and the West in the Mass Media. Fragmented Images in a Globalizing World*. Cresskill, New Jersey: Hampton Press.
- Hamid Mowlana. (1996). *Global Communication in Transition: The end of Diversity?* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hamid Mowlana, & Wilson, L.J. (1990). *The Passing of Modernity: Communication and the Transformation of Society*. London: Longman.
- Hamid Mowlana. (1979). Technology versus Tradition: Communication in the Iranian Revolution. *Journal of Communication*, 29(3), 107-112.
- Hamid Mowlana. (1989). The Islamization of Iranian Television. *Intermedia*, 7(5), 35-39.
- Hamid Mowlana. (1993). The New Global Order and Cultural Ecology. *Media, Culture & Society*, 15(1), 9-27.
- Jakubowicz, A. & Palmer, R. (2000). Framing Suharto: Media Interpretations of the Australia National Interest. Dlm. Ang, I., Chalmers, S., Law, L., & Thomas, M. (Eds.). *Alter Asian: Asian-Australia Identities in Art, Media and Popular Culture*. Sydney: Pluto Press. 244-262.
- Karim, H. K. 2000. *Islamic peril: Media and global violence*. Montreal: Black Rose Books.
- Keith Johathan Deutzer. (2009, 30 Jun). Wartawan Islam adalah pendidik, pendakwah dan pemimpin. Diambil dari <https://www.mstar.com.my/lain-lain/rencana/2009/06/30/wartawan-islam-adalah-pendidik-pendakwah-dan-pemimpin>
- Khiabany, G. 2003. Dr-Westernizing Media Theory, or Reverse Orientalism: 'Islamic Communication' as Theorized by Hamid Mowlana. *Media, Culture & Society*, 25, 415-422.
- Lasswell, H. D. 1948. "The structure and function of communication in society." Dalam Bryson, L. (penyunting). *The Communication of Ideas*. New York: Harper and Row.
- Lazarsfeld, P. F., & Robert K. Merton, R. K. 1948. "Mass communication, popular taste and organized social action." dalam Bryson, L. (penyunting). *Communication of Ideas*. New York: Harper and Row.
- M. Yoserizal Saragih. (2018). Some characteristics of Islamic Journalism Based on Al Quran. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 1:1-10. Retrieved from: <https://bircu-journal.com/index.php/birci/article/view/1/1>
- Mawdudi, A.A. 1976. *Human Rights in Islam*. Leicester: The Islam Foundation.
- McNelly, J.T. 1959. Intermediary Communicators in the International Flow of News. *Journalism Quarterly*, 36(1), 23-26.
- McQuail, D. 1997. Accountability of Media to Society: Principles and Means. *European Journal of Communication*, 12(4), 511-529.
- McQuail, D. 2010. *Mass Communication Theory: An Introduction (6th Ed.)*. Thousand Oaks, CA, US: Sage Publications.
- Mellor, N. 2005. *The Making of Arab News*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield.

- Michael B. Munnik. 2019. Answering for Islam: Journalistic and Islamic Conceptions of Authority. doi:10.3390/rel10070435
- Mohammad Hashim Kamali. 1997. Freedom of Expression in Islam. Cambridge, UK: Islamic Texts Society.
- Mohammad Hashim Kamali. 2000. Freedom of Expression in Islam. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher.
- Mohammad Hashim Kamali. 2002. Freedom, Equality and Justice in Islam. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher.
- Nerawai Sedu. (2009). An Analysis of Islamic Conceptualisations of Press Freedom in Malaysia. Tesis PhD. School of Journalism and Communication, The University of Queensland.
- Nordenstreng, K. & Topuz, H. (Ed.). (1989). Journalist: Status, Rights and Responsibilities. Prague: International Organization of Journalists.
- Picard, R.G. & Rimmer, T. (1999). Weathering a Recession: Effects of Size and Diversification on Newspaper Companies," *The Journal of Media Economics*, 12(1), 1-18.
- Picard, R.G. (2002). *The Economics and Financing old Media Companies*. USA: Fordham University Press.
- Sayeed Al-Seini. (1986). An Islamic Concept of News. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 3(2), 277-289.
- Schramm, W., & Roberts, D.F. (Ed.). (1971). *The Process and effects of mass communication*. Urbana: University of Illinois Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). Many ethnicities, many cultures, one nation: The Malaysian experience. *Kertas Kajian Etnik UKM Bil. 2(November) 2008*. Institut Kajian Etnik (KITA). Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.
- Siebert, F.S., Peterson, T., & Schramm, W. (1963). *Four Theories of the Press*. University of Illinois Press.
- Skjerdal, T.S. (2008). Self-censorship among news journalists in the Ethiopian State Media. *African Communication Research*, 1(2), 185-206.
- Skjerdal, T.S, & Lule, H. (2009). Uneven Performances by the Private Press in Ethiopia: An Analysis of 18 Years of Press Freedom. *Journal of Communication & Language Arts*, 3(1), 44 -59.
- Steele, J. (2011). Justice and Journalism: Islam and Journalistic Values in Indonesia and Malaysia. *Journalism*, 12(5), 533-549.
- Zulkiple Abd. Ghani. (1986). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- David McMohan. (2012, 14 October). If in doubt, do not post. *Sunday Star*. Focus. P. 25. Retrieved from: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2012/10/14/if-in-doubt-do-not-post>